



6 JUN 1976

- » Pesawat Nomad 9M-ATZ terhempas semasa dalam perjalanan dari Labuan ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu
- » Pada pukul 3.50 petang penduduk sekitar Sembulan mendengar bunyi letupan sebuah pesawat yang terhempas
- » Pesawat dinaiki Ketua Menteri Sabah, Tun Fuad Stephens bersama 10 individu lain terkorban dalam nahas tersebut
- » Rombongan Ketua Menteri itu difahamkan menuju ke Kota Kinabalu untuk menandatangani perjanjian 10 peratus hasil minyak yang akan diberikan kepada Sabah dan Sarawak

11 MANGSA TERKORBAN

1. **Ketua Menteri:** Tun Fuad Stephens
2. **Menteri Kerajaan Tempatan:** Datuk Peter Mojuntin
3. **Menteri Perhubungan dan Kerja Raya:** Datuk Chong Thien Yun
4. **Menteri Kewangan Negeri:** Datuk Salleh Sulong
5. **Pembantu Menteri kepada Timbalan Ketua Menteri:** Darius Binion
6. **Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan:** Wahid Peter Andau
7. **Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah:** Dr. Syed Hussien Wafa
8. **Setiausaha Sulit Tengku Razaleigh Hamzah:** Ishak Atan
9. **Pengawal Peribadi Ketua Menteri:** Koperal Said Mohammad
10. **Juruterbang:** Kapten Gandhi J Nathan
11. **Anak Sulung Tun Fuad:** Johari Stephens

BANGKAI pesawat Nomad 9M-ATZ yang terhempas di kawasan perairan cetek berdekatan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu mengorbankan 11 orang termasuk Fuad Stephens pada tahun 1976. - WIKIPEDIA

Penantian keluarga mangsa berakhir

Oleh **SURAIDAH ROSLAN**
 utusannews@mediamulia.com.my

KOTA KINABALU: Penantian selama 47 tahun agar laporan tragedi *Double Six* didedahkan kepada umum akhirnya berakhir.

Itu luahan Datuk Donald Peter Mojuntin iaitu anak kepada salah seorang mangsa terkorban dalam nahas pesawat di Sabah pada 6 Jun 1976.

Beliau berkata, pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menyatakan laporan penuh tragedi *Double Six* akan didedahkan kepada umum amat dinantikan oleh rakyat Sabah.

"Saya percaya pengumuman itu memberi kelegaan kepada rakyat Sabah. Ia satu pengumuman yang amat dinantikan oleh keluarga mangsa yang telah menunggu selama 47 tahun untuk laporan itu didedahkan.

"Penantian yang sekian lama kini berakhir," katanya dalam satu kenyataan.

Menurut beliau, diharap keputusan kabinet persekutuan itu akan menghentikan segala ketidakpastian dan teori konspirasi yang dibangkitkan selama lebih empat dekad.

"Kini, kita boleh menutup sepenuhnya tragedi yang mengorbankan 11 nyawa termasuk Ketua Menteri Sabah ketika itu, Tun Fuad Stephens," katanya.

Timbalan Presiden Pertubu-



han Kinabalu Progresif Bersatu (UPKO) itu berkata, beliau ingin melahirkan penghargaan kepada Perdana Menteri dan kabinet kerajaan persekutuan kerana membuat keputusan yang betul.

Keputusan itu menunjukkan Perdana Menteri mengotakan janji untuk bersifat lebih telus dan terbuka dalam pemerintahan kerajaan perpaduan.

Dengan keputusan bersejarah ini, keluarga mendiang Datuk Peter J. Mojuntin berharap kabinet persekutuan akan menarik semula larangan penerbitan dan agihan buku bertajuk 'The Golden Son of the Kadazan'.

Buku itu akan membolehkan rakyat Sabah mengenali Peter Mojuntin sebagai pemimpin politik di Sabah. Ini sebuah buku

yang memberi inspirasi dan perlu dikongsikan kepada rakyat.

Semalam, Perdana Menteri mengumumkan kerajaan akan mendedahkan laporan penuh kemalangan pesawat udara tragedi *Double Six* yang berlaku pada 6 Jun 1976 kerana ia menimbulkan banyak persoalan dan keresahan pelbagai pihak terutama rakyat Sabah.

Tragedi *Double Six* adalah nahas pesawat Nomad 9M-ATZ keluaran Australia yang berlaku pada 6 Jun 1976 di Kota Kinabalu. Tragedi itu mengorbankan Ketua Menteri Sabah, Tun Fuad Stephens, empat menteri Sabah dan enam individu lain.

Pesawat berkenaan terhempas di Sembulan ketika dalam perjalanan dari Labuan ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu.